

Pekeliling Pendaftar Bil(U) 1 Tahun 1982

Persidangan Undang-undang ASEAN
1982

Adalah saya diarah oleh Y.A.M. Hakim Besar Tanah Melayu untuk memaklumkan bahawa Persidangan Undang-undang ASEAN 1982 akan diadakan di Kuala Lumpur pada 25hb --

29hb Oktober, 1982. Sekiranya Datuk/Tuan/Puan bercadang untuk menghadiri persidangan tersebut, kes-kes tidaklah perlu ditetapkan untuk dibicarakan dalam minggu tersebut, atau kalau telah ditetapkan, bolehlah ditangguhkan. Sebarang permohonan oleh peguam-peguam kerajaan atau swasta untuk menangguhkan kes-kes yang telah ditetapkan kerana mereka hendak menghadiri persidangan tersebut patutlah diluluskan. Mereka adalah diminta membuat permohonan itu lebih awal.

11hb. Mac, 1982

SITI NORMA YAAKOB
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan
Kuala Lumpur

